

HUKUM PENERIMAAN HADIAH SAGUHATI DAN SEDEKAH OLEH AMIL

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor Bil 2/2002 yang diadakan pada 16 April 2002 telah memutuskan:

Adalah tidak boleh seorang amil menerima sebarang hadiah, saguhati atau sedekah di dalam melaksanakan tugas rasmi atau tugas harian.

Menurut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Selangor) 2001 mengatakan bahawa:-

3.2 Seseorang pegawai tidak boleh –

- a) Membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- b) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- c) Berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun;

- i. Dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
 - ii. Dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedah dirinya sendiri
- d) Berkelakuan dengan demikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- e) Kurang cekap atau kurang berusaha;
- f) Tidak jujur atau tidak amanah;
- g) Tidak bertanggungjawab;
- h) Membawa atau mencuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;
- i) Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- j) Cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

7. Seseorang Pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberi bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.
- (2) Ketua Bahagian seseorang pegawai boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan pegawai itu untuk memberikan suatu surat pujian daripada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang sempena persaraan atau pertukaran pegawai itu asalkan surat pujian itu tidak terkandung dalam suatu bekas yang bernilai.
- (3) Ketua Bahagian boleh membenarkan pemungutan sumbangan secara spontan oleh pegawai-pegawai di bawah jagaannya bagi maksud pemberian hadiah kepada seseorang pegawai dalam bahagiannya sempena persaraan, pertukaran atau perkahwinan pegawai itu atau apa-apa peristiwa lain yang sesuai.
- (4) Jika –
- a) Seseorang pegawai berasa ragu-ragu tentang sama ada bentuk, amaun atau nilai hadiah yang diterima olehnya adalah sepadan dengan maksud hadiah itu diberikan; atau

- b) Hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimanya dilarang oleh peraturan ini.
- (5) Apabila diterima laporan yang dibuat di bawah subperaturan (4), Ketua Bahagian hendaklah:
- a) Membenarkan pegawai itu menyimpan hadiah itu; atau
 - b) Mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan, melalui Ketua Bahagian, kepada pemberinya

Status: Tidak Warta

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor